

No. Rujukan : UTeM.02.05.03/100-3/2/1(12)



## **UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

---

### **PEKELILING PENTADBIRAN BILANGAN 12 TAHUN 2011**

---

# **PEMAKLUMAN PERUBAHAN NAMA SKIM PERKHIDMATAN PEMBANTU TEKNIK KAPAL TERBANG, PEMBANTU TEKNIK UKUR, PEMBANTU TEKNIK UKUR BANGUNAN DAN PEMBANTU UNDANG-UNDANG**

Pejabat Pendaftar  
**30 Mac 2011**

Disalinkan kepada:

Naib Canselor  
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)  
Pegawai-Pegawai Kanan

# UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

UTeM.02.05.03/100-3/2/1(12)

30 MAC 2011

## PEKELILING PENTADBIRAN BIL.12/2011

### **PEMAKLUMAN PERUBAHAN NAMA SKIM PERKHIDMATAN PEMBANTU TEKNIK KAPAL TERBANG, PEMBANTU TEKNIK UKUR, PEMBANTU TEKNIK UKUR BANGUNAN DAN PEMBANTU UNDANG-UNDANG**

#### **1.0 TUJUAN**

Pekeliling Pentadbiran ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua staf Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) mengenai keputusan pihak Universiti melalui Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) di dalam mesyuarat Bil.1/2011 untuk menerima pakai Pekeliling Perkhidmatan Jabatan Perkhidmatan Awam Bil.12/2010 secara sepenuhnya berhubung Perubahan Nama Skim Perkhidmatan Pembantu Teknik Kapal Terbang, Pembantu Teknik Ukur, Pembantu Teknik Ukur Bangunan Dan Pembantu Undang-Undang bagi pelaksanaannya di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).

#### **2.0 LATAR BELAKANG**

2.1 Selaras dengan keperluan memperkemas nama-nama skim perkhidmatan dalam sektor awam, pemakaian nama skim perkhidmatan Pembantu Teknik Kapal Terbang, Pembantu Teknik Ukur, Pembantu Teknik Ukur Bangunan dan Pembantu Undang-Undang didapati tidak lagi sesuai. Sehubungan itu, kerajaan bersetuju supaya nama skim perkhidmatan Pembantu Teknik Kapal Terbang, Pembantu Teknik Ukur, Pembantu Teknik Ukur Bangunan dan Pembantu Undang-Undang diubah. Perbekalan-perbekalan lain dalam skim perkhidmatan berkenaan dikekalkan.

2.2 Sehingga kini, jawatan Pembantu Teknik Kapal Terbang, Pembantu Teknik Ukur, Pembantu Teknik Ukur Bangunan Dan Pembantu Undang-Undang belum lagi diwujudkan di UTeM. Walau bagaimanapun, dengan pertambahan fungsi dalam pentadbiran organisasi seiring dengan pembangunan fizikal di UTeM pada masa akan datang, keperluan jawatan ini adalah amat tinggi bagi memastikan perjalanan operasi di UTeM berjalan dengan lancar.

### 3.0 PERUBAHAN NAMA SKIM PERKHIDMATAN

3.1 Perubahan nama skim perkhidmatan tersebut adalah seperti berikut :-

Nama Skim Sedia Ada	Nama Skim Baru
Pembantu Teknik Kapal Terbang Gred A29	Penolong Pemeriksa Kapal Terbang Gred A29
Pembantu Teknik Ukur Gred J29	Penolong Juruukur Gred J29
Pembantu Teknik Ukur Bangunan Gred J29	Penolong Juruukur Bangunan Gred J29
Pembantu Undang-undang Gred L29	Penolong Pegawai Undang-undang Gred L29

3.2 Berikutan dengan perubahan nama ini, skim-skim perkhidmatan lain yang memperuntukkan Kenaikan Pangkat Secara Lantikan (KPSL) dari jawatan Pembantu Teknik Kapal Terbang, Pembantu Teknik Ukur, Pembantu Teknik Ukur Bangunan dan Pembantu Undang-Undang iaitu skim perkhidmatan Pemeriksa Kapal Terbang, Jurukartografi, Juruukur, Juruukur Bangunan dan Pegawai Undang-Undang turut diubah. Perubahan juga turut melibatkan skim-skim perkhidmatan lain yang memperuntukkan KPSL ke jawatan Pembantu Teknik Kapal Terbang, Pembantu Teknik Ukur, Pembantu Teknik Ukur Bangunan dan Pembantu Undang-Undang iaitu Juruteknik, Juruteknik Ukur, Pembantu Tadbir (Undang-Undang) dan Jurubahasa.

### 4.0 PELAKSANAAN

Pekeliling Pentadbiran ini hendaklah dibaca bersama dengan Pekeliling Perkhidmatan Bil.12/2010. Pekeliling Perkhidmatan tersebut boleh dirujuk di laman web Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) di alamat <http://www.jpa.gov>.

### 5.0 TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling Pentadbiran ini berkuat kuasa mulai **2 Januari 2011**.

Sekian, terima kasih.

**“KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN”**

Saya yang menurut perintah



**HASAN BIN SIRUN**

Pendaftar

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

/ukp